

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN  
[MUAR]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan proses-proses yang telah dilalui oleh Kementerian Belia dan Sukan dan garis masa lengkap dari 2018 hingga kini mengenai semua pembinaan dan pembaikpulihan premis sukan di Muar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2018 sehingga kini, sebanyak 11 projek bina baharu dan baik pulih kemudahan sukan dilaksanakan di Muar. Daripada jumlah tersebut 6 projek telah siap dilaksanakan dan 5 lagi dalam proses pelaksanaan dan dijangkakan dapat disiapkan sebelum akhir tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @TAMBAT  
[LUBOK ANTU]**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memberi kelonggaran kepada syarikat baru, supaya diberi pertimbangan pemberian kontrak bagi mengangkat kekuatan permulaan permodalan syarikat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membuka peluang syarikat baharu untuk menyertai projek/perolehan Kerajaan termasuk memberi kelonggaran interim di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020 dan PRIHATIN seperti berikut:

- i. Pembukaan semula pendaftaran kontraktor G1 (Bumiputera) sejak 1 September 2019 telah memberi peluang kepada kontraktor baharu terutamanya generasi muda yang berkelayakan teknikal untuk terlibat secara lebih aktif dalam industri pembinaan khususnya dalam mengendalikan projek Kerajaan.

ii. Sehingga Oktober 2020, terdapat 37,171 kontraktor G1 berbanding pada ogos 2019 yang memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (*Construction Industry Development Board – CIDB*) dan Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (PKK, MEDAC);

iii. Penyediaan kaedah pembiayaan projek/perolehan Kerajaan melalui kaedah pemfaktoran dan skim pembiayaan oleh MARA, Tekun Nasional dan SME Bank. Mulai Julai 2020, Kerajaan juga telah melancarkan Skim SME-Go bagi membantu meningkatkan aliran tunai syarikat dalam melaksanakan projek Kerajaan yang memberi manfaat kepada kontraktor kecil dan sederhana. Antara kelebihan skim ini adalah pemohon tidak perlu menyediakan deposit atau cagaran dan SME Bank akan menyediakan kemudahan pembiayaan terus kepada kontraktor serta membuat bayaran kepada vendor berdasarkan penyampaian bukti invois/tuntutan; dan

iv. Kenaikan had nilai ambang pelaksanaan projek/perolehan Kerajaan secara undian dan sebut harga bagi meningkatkan lagi aktiviti ekonomi melalui Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. Kerajaan telah menaikkan had nilai ambang sedia ada bagi pelaksanaan perolehan projek Kerajaan serta dijangka akan memberi manfaat terutamanya kepada lebih 57,000 kontraktor di Gred G1, G2 dan G3. Ini juga secara tidak langsung akan memberi manfaat kepada kontraktor baharu memandangkan proses undian tidak menekankan keperluan pengalaman syarikat dalam melaksanakan projek/perolehan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyalurkan dana khas setiap tahun kepada PIBG kawasan P2 dan P3 bagi kegunaan mengurus persatuan, memandangkan majoriti ahli mampu menyalurkan tenaga dan bukannya material kewangan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak menyediakan dana khas kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk kegunaan mengurus persatuan kerana peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada KPM hanya dikhususkan bagi menampung keperluan Institusi Pendidikan sahaja dan tidak termasuk badan bukan Kerajaan dan persatuan berdaftar seperti PIBG.

Sekian.